



KENYATAAN MEDIA
19 FEBRUARI 2025

Pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Tenaga (ST) Baharu

Putrajaya, 19 Februari 2025 – Suruhanjaya Tenaga (ST) hari ini mengumumkan pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif ST yang baharu, Puan Siti Safinah Salleh bagi menggantikan Dato' Ir. Ts. Abdul Razib Dawood yang perkhidmatannya berakhir pada 31 Januari 2025.

Pelantikan Puan Siti Safinah Salleh oleh YAB Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) ini adalah dengan persetujuan YAB Perdana Menteri. Perkara ini telah diterima melalui pemakluman rasmi yang dikeluarkan oleh PETRA hari ini.

Puan Siti Safinah Salleh berkelulusan Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Sistem Perisian), *Multimedia University*; Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Strategik), Universiti Teknologi Malaysia; dan Sarjana Pentadbiran Awam, *Harvard University*.

Beliau telah berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif *MyPOWER Corporation* sejak Februari 2021, yang merupakan sebuah agensi tujuan khas di bawah PETRA yang ditubuhkan untuk menyelaraskan pelaksanaan inisiatif pembaharuan industri bekalan elektrik Malaysia.

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

Selain itu, beliau juga pernah berkhidmat di Bahagian Tadbir Urus, Risiko dan Pematuhan di Dana Pelaburan Strategik Malaysia, Khazanah Nasional serta merupakan Ahli Lembaga di *VCAP Asset Managers*. Pada awal kerjayanya, beliau juga pernah berkhidmat di *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC) dan Telekom Malaysia Group.

ST mengalu-alukan kepimpinan Puan Siti Safinah Salleh untuk membawa agenda ST sebagai badan kawal selia pembekalan elektrik dan gas berpaip Semenanjung ke tahap yang lebih tinggi.

*****TAMAT*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi media@st.gov.my.

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.